

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cabaran Inovasi Inklusif 2018 bermula	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MALAYSIA KITA) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)

Cabaran Inovasi Inklusif 2018 bermula

MENANGI hadiah wang tunai yang berjumlah RM5,000 serta berpeluang untuk memperoleh bantuan Dana Pembangunan Inovasi sehingga RM200,000! Idea yang kreatif dan inovatif!

Mereka yang berminat boleh mengambil bahagian dalam mana-mana empat kategori iaitu Utiliti, Pendidikan, Kesihatan dan Produktiviti.

Cabaran tersebut adalah salah satu projek yang menarik bawah Program Berimpak Tinggi 6 (HIP 6). Program tersebut adalah inisiatif SME Corp, bawah Pelan Induk PKS 2012-2020 dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dilantik sebagai agensi utama untuk menguruskan program tersebut.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YIM, **Tany Anthony Kioob**, HIP6 menggalakkan perkongsian antara awam-swasta untuk berkongsi tanggungjawab dan aksauntabiliti bagi mewujudkan pemacu perubahan yang dapat memperkasa 40 peratus daripada piramid pendapatan bagi memanfaatkan inovasi yang dibuat untuk faedah dan kesejahteraan masyarakat.

Penganjuran Konvensyen Inovasi Inklusif 2018 adalah untuk mempromosi dan menggalakkan sokongan pelbagai pihak terhadap projek inovasi inklusif dan memperkasa kumpulan bawah 40 melalui HIP 6.

Konvensyen ini adalah sebagai platform untuk mengumpulkan sektor korporat, agensi kerajaan dan inovator akar umbi yang mewakili komuniti masing-masing dan akan dijadikan platform untuk menyerlahkan kepentingan inovasi dalam



memberi kesan kepada peningkatan ekonomi dan merapatkan jurang pendapatan kumpulan sasaran, ujarnya.

Permohonan dibuka pada 9 Februari lalu hingga 6 Ogos ini. Lawati laman sesawang di iic.innomap.my untuk maklumat lanjut!

OBJEKTIF PROGRAM

- Platform untuk memupuk, mengenal pasti, menambah nilai, membangun dan memastikan inovasi inklusif dapat merapatkan jurang akses dalam kalangan rakyat

- Malaysia dari segi pendapatan, keperluan asas seperti utiliti, pendidikan, kesihatan dan produktiviti.

- Memberi peluang kepada pelabur, inovator dan pihak berkepentingan berkongsi idea dan cadangan membangunkan produk dan teknologi inovasi inklusif.

- Menyediakan ruang kepada inovator untuk memamerkan teknologi dan inovasi mereka yang inklusif.

- Mempromosikan Sabah sebagai tuan rumah, model peranan menggunakan inovasi inklusif sebagai cara yang mampan untuk memperkasa dan membangunkan kumpulan terkecuali melalui inovasi.

- Meningkatkan penyertaan ekonomi inovator akar umbi dan komuniti terpinggir (OKU, belia, ibu tunggal dan golongan B40)

- Menyediakan platform untuk syarikat berkaitan untuk menyumbang kepada pertumbuhan inovasi inklusif.



**TANY ANTHONY
KIOOB**